



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH
HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 (ACP) BAGI WAKAF**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	PERMOHONAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)	
1.	Pendahuluan	1
2.	Tafsiran	2
3.	Badan Atau Tabung Wakaf Yang Layak Untuk Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	2
3.1	Badan Atau Tabung Wakaf Yang Layak	2
3.2	Wakaf Tunai Yang Layak Untuk Pertimbangan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	3
4.	Kriteria Kelayakan Badan Atau Tabung Wakaf Bagi Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	5
4.1	Objektif Penubuhan Badan Atau Tabung Wakaf	5
4.2	Lantikan/ Penamatan Dan Komposisi Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa Badan Atau Tabung Wakaf	5
4.3	Pemberian Khidmat Atau Manfaat Badan Atau Tabung Wakaf Kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa	6
4.4	Lantikan Mutawalli/ Nazir Khas Badan Atau Tabung Wakaf	7
4.5	Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai	8
4.6	Tempoh Operasi Badan Atau Tabung Wakaf Sebelum Permohonan	8
5.	Prosedur Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	9
5.1	Pihak Yang Memohon	9
5.2	Kaedah Permohonan	9
6.	Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	11

B KEWAJIPAN BADAN ATAU TABUNG WAKAF DALAM TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP		
7.	Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	11
7.1	Memohon Kelulusan Format Resit Rasmi Potongan Wakaf	11
7.2	Pengeluaran Resit Rasmi Potongan Wakaf	12
7.3	Pelaksanaan e-Invois	12
7.4	Penyertaan Wakaf Tunai	14
7.5	Belanja Berkaitan Objektif Badan Atau Tabung Wakaf	14
7.6	Pemilikan Syarikat Subsidiari/ Anak Syarikat Badan Atau Tabung Wakaf	14
7.7	Pemakluman Kepada KPHDN Secara Bertulis	15
7.8	Permohonan Kelulusan KPHDN Secara Bertulis	15
7.9	Kewangan Badan Atau Tabung Wakaf	16
7.10	Penyimpanan Rekod Badan Atau Tabung Wakaf	18
7.11	Pembubaran Badan Atau Tabung Wakaf	18
7.12	Pengembangan Kumpulan Wang Wakaf	18
8.	Larangan ke Atas Badan Atau Tabung Wakaf	19
9.	Kesan Pelanggaran Syarat-Syarat Kelulusan	19
C TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN KPHDN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP		
10.	Had Tempoh Kelulusan	21
11.	Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan	21
D LAYANAN PERCUKAIAN		
12.	Layanan Percukaian Ke Atas Badan Atau Tabung Wakaf	22
13.	Layanan Percukaian Kepada Pewakaf	22
14.	Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Dan Pengenaan Syarat-Syarat Kelulusan	22

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan garis panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada garis panduan ini dengan penerbitan garis panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

A. PERMOHONAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini menggariskan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan wakaf serta prosedur permohonannya untuk pertimbangan kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 44(11D) ACP. Garis panduan ini terpakai kepada dana wakaf yang mendapat kelulusan KPHDN sebagai panduan kepada pihak lain yang berkait dan bersangkutan.
- 1.2 Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Wakaf yang dikeluarkan pada 8 Oktober 2020.
- 1.3 Garis panduan ini menerangkan:
 - 1.3.1 jenis Badan atau Tabung Wakaf yang layak untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.2 kriteria kelayakan Badan atau Tabung Wakaf bagi permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.3 jenis objektif Badan atau Tabung Wakaf yang layak dipertimbangkan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.4 prosedur permohonan Badan atau Tabung Wakaf di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.5 syarat-syarat kelulusan Badan atau Tabung Wakaf di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.6 kewajipan Badan atau Tabung Wakaf setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.7 kesan pelanggaran syarat-syarat kelulusan;
 - 1.3.8 tempoh masa kelulusan dan permohonan lanjutan tempoh kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.9 layanan cukai ke atas pewakaf; dan
 - 1.3.10 punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan dan penganan syarat-syarat kelulusan.

2. TAFSIRAN

Istilah yang digunakan dalam garis panduan ini mempunyai maksud berikut:

- 2.1 “Badan yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)” bermaksud badan yang memenuhi kriteria di perenggan 3.1.1(b).
- 2.2 “Kumpulan Wang Wakaf” bermaksud kumpulan wang yang terdiri daripada semua wang daripada apa-apa hasil yang diperolehi daripada penerimaan wakaf tunai atau melalui istibdal dan wang manfaat yang terhasil daripada kedua-duanya.
- 2.3 “Mutawalli atau Nazir Khas” bermaksud mana-mana orang yang dilantik oleh MAIN sebagai kompeten dan berkelayakan untuk menerima, mengurus dan mengagih Kumpulan Wang Wakaf.
- 2.4 “Pendapatan Badan atau Tabung Wakaf” bermaksud wang manfaat yang terhasil daripada apa-apa hasil yang diperolehi daripada penerimaan wakaf tunai atau melalui istibdal.
- 2.5 “Tabung Wakaf Tunai” bermaksud tabung yang ditubuhkan oleh MAIN, badan yang ditubuhkan oleh MAIN dan universiti awam untuk tujuan wakaf tunai semata-mata.
- 2.6 “Wakaf Tunai” bermaksud wakaf berbentuk harta alih yang boleh dikekalkan nilai pokoknya, boleh diambil manfaatnya atau ditukar kepada harta tak alih.

3. BADAN ATAU TABUNG WAKAF YANG LAYAK UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

3.1 Badan atau Tabung Wakaf Yang Layak

- 3.1.1 Bagi tujuan mendapatkan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP, Badan atau Tabung Wakaf yang layak memohon untuk kelulusan adalah:
 - a. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);
 - b. Badan yang ditubuhkan oleh MAIN; atau
 - c. Universiti awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] (senarai universiti awam seperti di Lampiran) atau Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] yang dibenarkan oleh MAIN untuk menerima, mengurus dan mengagih wakaf.

- 3.1.2 Badan yang ditubuhkan oleh MAIN dan universiti awam juga perlu menubuhkan satu tabung bagi tujuan berkenaan wakaf tunai (selepas ini dirujuk sebagai Tabung Wakaf Tunai). Tatakelola dan Jawatankuasa Khusus Tabung Wakaf Tunai ini juga perlu diasingkan daripada tatakelola dan pengurusan badan yang ditubuhkan oleh MAIN dan universiti.
- 3.1.3 Bagi tujuan penubuhan Tabung Wakaf Tunai, semua Badan atau Tabung Wakaf hendaklah mempunyai punca kuasa menubuhkan tabung ini di bawah undang-undang pentadbiran agama Islam masing-masing yang menubuhkan atau mengawal Badan atau Tabung Wakaf tersebut.
- 3.1.4 Bagi badan yang ditubuhkan oleh MAIN, sekiranya penubuhannya adalah semata-mata untuk tujuan menerima, mengurus dan mengagih Kumpulan Wang Wakaf sahaja, maka penubuhan Tabung Wakaf Tunai tidak terpakai.
- 3.2 **Wakaf Tunai Yang Layak Untuk Pertimbangan Kelulusan Di bawah Subseksyen 44(11D) ACP**
- 3.2.1 Pengertian, rukun dan syarat wakaf haruslah dipatuhi bagi memastikan pengurusan harta wakaf adalah sah di sisi agama Islam.
- 3.2.2 Badan atau Tabung Wakaf boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk menerima sumbangan wakaf tunai. Antaranya menerusi potongan gaji, melantik wakil/ ejen kutipan wakaf/ sumbangan secara perbankan internet dan sumbangan tunai di kaunter penerimaan (manual) atau kaedah-kaedah lain tertakluk kelulusan MAIN dan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.
- 3.2.3 Bagi tujuan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP, suatu amaun bersamaan dengan apa-apa pemberian dalam bentuk tunai adalah dibenarkan. Pemberian tunai yang diwakafkan ini mestilah:
- a. mempunyai nilai mata wang dalam ringgit Malaysia yang boleh ditentukan atau jelas tidak termasuk melalui pembelian saham/ bon yang ditawarkan;
 - b. mempunyai nilai mengikut hukum syarak dan boleh diambil/ digunakan manfaatnya secara berkekalan;
 - c. wang tunai yang diwakafkan tidak boleh dipindah milik

dan yang ditahan haknya seperti harta pewakaf yang mufliis, pewakaf yang tidak cukup umur atau milik anak yatim; dan

- d. wang tunai mestilah milik mutlak/ sempurna pewakaf dan bukan hak atau milik orang lain seperti diperolehi secara pinjaman, berhutang, disewa atau sebagainya.

3.2.4 Manfaat tunai yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khas (yang ditetapkan) dengan niat oleh pewakaf.

3.2.5 Badan atau Tabung Wakaf boleh mengembangkan wakaf tunai bagi menghasilkan manfaat menerusi beberapa kaedah seperti pelaburan, pembangunan aset wakaf, wakaf istibdal (pertukaran), kolaborasi dengan institusi kewangan dan lain-lain kaedah yang difikirkan sesuai tertakluk kepada kelulusan MAIN serta Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.

3.2.6 Pelaksanaan dan pengurusan dana wakaf perlu memenuhi prinsip-prinsip umum yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu tidak boleh dijual, tidak boleh dipindah milik serta tidak boleh diwarisi.

3.2.7 Bagi tujuan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP ini, jenis wakaf yang diiktiraf dan dibenarkan ialah:

a. Wakaf Am

Wakaf yang tidak ditentukan untuk sebarang tujuan spesifik. Dana selalunya diuruskan bagi tujuan projek-projek pembangunan/ kebajikan yang bersifat umum/ awam.

b. Wakaf Khas

Wakaf ini mempunyai tujuan spesifik seperti pembinaan universiti, hospital, pembangunan masjid, bantuan bencana alam dan lain-lain. Pewakaf boleh membuat pemilihan jenis wakaf ini semasa niat berwakaf agar dapat mengikut kehendak mereka.

3.2.8 Wakaf am dan wakaf khas adalah sebagaimana ditafsirkan di bawah peruntukan undang-undang Islam negeri masing-masing dan kepatuhan hukum syaraknya.

4. KRITERIA KELAYAKAN BADAN ATAU TABUNG WAKAF BAGI PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

4.1 Objektif Penubuhan Badan Atau Tabung Wakaf

- 4.1.1 Penetapan objektif sebuah Badan atau Tabung Wakaf adalah penting bagi menentukan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh Badan atau Tabung Wakaf itu layak untuk pertimbangan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 4.1.2 Badan atau Tabung Wakaf hendaklah mempunyai objektif untuk memberikan faedah atau manfaat kepada masyarakat.
- 4.1.3 Badan atau Tabung Wakaf yang ditubuhkan hendaklah bertujuan untuk memenuhi objektif antara lainnya seperti berikut:
 - a. diguna pakai penghasilannya ke arah kebaikan dan kebajikan umum termasuk untuk bantuan institusi kesihatan, penyelidikan, pendidikan serta pengembangan pendidikan di universiti awam dan termasuk aktiviti berbentuk pembiayaan pinjaman serta seumpamanya tertakluk kepada kelulusan MAIN dan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing;
 - b. pemajuan keagamaan meliputi pembinaan rumah ibadat, pengurusan rumah ibadat, sekolah agama dan pengembangan agama dalam kalangan penganut beragama Islam; dan
 - c. mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf untuk memperolehi keuntungan atau pulangan bagi kepentingan pewakaf dan penerima manfaatnya.

4.2 Lantikan/ Penamatan Dan Komposisi Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa Badan atau Tabung Wakaf

- 4.2.1 Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK) yang dilantik hendaklah dengan persetujuan pihak MAIN.

4.2.2 Sebarang lantikan dan penamatan ALPA/ALP/AJK yang berlaku sepanjang tempoh kelulusan berkuat kuasa hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada KPHDN. Watakah/ surat lantikan/ penamatan yang telah disahkan oleh MAIN merupakan dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama surat pemakluman.

4.2.3 Peranan dan tanggungjawab ALPA/ALP/AJK yang dilantik perlu dijelaskan di dalam surat pelantikan mereka seperti berikut:

- a. Pengurusan dan Pemantauan Dana Wakaf
Menyelia agar pengurusan kewangan sentiasa telus, teratur dan bertanggungjawab menerusi rekod yang tepat, teratur serta lengkap.
- b. Pengagihan dan Pelaksanaan Pengagihan Wakaf
Memastikan penggunaan dana sesuai dengan niat dan kehendak pewakaf. Projek wakaf yang dilaksanakan perlu mematuhi hukum syarak.
- c. Kepatuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan Syariah
Mematuhi syarat dan keperluan yang sesuai dengan perundangan Islam dan ACP dari segi pengurusan, pelaburan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf.
- d. Pelaporan dan Ketelusan
 - i. Menyedia dan mengemukakan sebarang pelaporan yang diperlukan mengikut syarat kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP dan mana-mana peruntukan undang-undang yang berkenaan sedia ada.
 - ii. Menjaga nama baik dan reputasi Badan atau Tabung Wakaf bagi tujuan kepercayaan umum.

4.3 **Pemberian Khidmat/ Manfaat Badan Atau Tabung Wakaf Kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa**

4.3.1 Pada dasarnya, khidmat atau manfaat **tidak boleh dinikmati** oleh ALPA/ALP/AJK **yang mengendalikan** Badan atau Tabung Wakaf. Bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan membuat pembayaran kepada ALPA/ALP/AJK yang dilantik,

maka peraturan berikut perlu ditetapkan:

- a. polisi dan penetapan bayaran dalam objektif penubuhan berdasarkan mana-mana peraturan/ undang-undang bertulis;
- b. sumber kewangan pembayaran boleh menggunakan nilai pokok atau manfaat aktiviti pelaburan wakaf atau dana sumbangan daripada pihak berkuasa agama Negeri/ Kerajaan Negeri tertakluk kepada kelulusan MAIN dan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing;
- c. maklumat bayaran hendaklah direkodkan bagi tujuan pematuhan kepada peruntukan undang-undang sedia ada di bawah ACP;
- d. ALPA/ALP/AJK perlu melaporkan pendapatan yang sepatutnya termasuk bayaran yang diterima daripada Badan atau Tabung Wakaf dalam pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tahunan masing-masing; dan
- e. selain daripada pembayaran seperti di perenggan (a) di atas, bayaran sukarela yang lain seperti bonus atau elaun khas hari perayaan tertakluk kepada kelulusan MAIN dan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.

- 4.3.2 Khidmat/ manfaat **tidak boleh dinikmati** oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan kepada Badan atau Tabung Wakaf, Mutawalli/ Nazir Khas dan syarikat subsidiari yang berkepentingan secara langsung kepada Badan atau Tabung Wakaf itu.

4.4 Lantikan Mutawalli/ Nazir Khas Badan Atau Tabung Wakaf

- 4.4.1 Badan atau Tabung Wakaf (selain MAIN) perlu mempunyai punca kuasa **untuk mengutip, mengurus dan mengagihkan** Kumpulan Wang Wakaf menerusi lantikan Mutawalli/ Nazir Khas di bawah peruntukan undang-undang bertulis agama Islam Negeri masing-masing.
- 4.4.2 MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta/ Enakmen Perundangan Islam Negeri-Negeri mempunyai kuasa untuk melantik, mengiktiraf dan menamatkan pelantikan Mutawalli/ Nazir Khas.

- 4.4.3 Sekiranya lantikan Mutawalli/ Nazir Khas adalah secara bertempoh, penamatan dan pembaharuan tempoh lantikan hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN secara bertulis.
- 4.4.4 Badan atau Tabung Wakaf perlu memastikan lantikan ini sah dan berkuat kuasa semasa proses permohonan dan juga sepanjang tempoh kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP berkuat kuasa.
- 4.4.5 Bagi memastikan pertimbangan berkaitan pembayaran fi pentadbiran kepada Mutawalli/ Nazir Khas dibenarkan, kelulusan daripada pihak MAIN hendaklah diperolehi dan dikemukakan kepada KPHDN semasa permohonan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP dibuat.

4.5 Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai

Badan atau Tabung Wakaf diwajibkan mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN). TIN perlu didaftar di Pejabat HASiL yang berdekatan atau melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax. Kategori TIN yang didaftarkan adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Maklumat Tambahan
1	F	Pertubuhan	Nama BNCP ialah TF
2	C	Syarikat	Kategori syarikat yang didaftarkan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan, Berhad atau Sendirian Berhad.
3	TA	Badan Amanah	Nama BNCP ialah TA

4.6 Tempoh Operasi Badan Atau Tabung Wakaf Sebelum Permohonan

Tiada pengenalan syarat tempoh operasi Badan atau Tabung Wakaf ditubuhkan sebelum permohonan untuk kelulusan dikemukakan. Walau bagaimanapun, Badan atau Tabung Wakaf mestilah telah berdaftar seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1.1 garis panduan ini.

5. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

5.1 Pihak Yang Memohon

Orang yang layak mengemukakan permohonan untuk kelulusan KPHDN bagi pihak Badan atau Tabung Wakaf adalah seperti berikut:

- a. mana-mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi Ahli Jawatankuasa atau Pengurus sesebuah Badan atau Tabung Wakaf yang ditubuhkan oleh MAIN atau Pegawai yang diberi kuasa oleh MAIN; atau
- b. wakil/ ejen yang dilantik secara sah oleh Badan atau Tabung Wakaf. Surat lantikan wakil/ ejen cukai mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.

5.2 Kaedah Permohonan

Mulai 15 Jun 2026, sebarang keperluan permohonan/ pengemukaan/ penghantaran maklumat dan dokumen yang dinyatakan di mana-mana perenggan dalam Garis Panduan ini hendaklah menggunakan perkhidmatan atas talian merujuk jenis dan kaedah dalam jadual berikut:

Jenis	Kaedah Permohonan/ Pengemukaan	
Permohonan Baharu (Institusi/ Organisasi)	• Pengarah syarikat/ pentadbir Mandatori melalui sistem e-Derma*, seperti langkah berikut: a. Layari portal MyTax di https://mytax.hasil.gov.my b. Klik menu Daftar Masuk > Peranan Pengarah Syarikat/ Pentadbir Organisasi > Institusi atau Organisasi > Perkhidmatan ezHasil > e-Derma *Arahan dan panduan semasa berkenaan	• Wakil cukai atau ejen cukai Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: a. Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my b. Klik menu Perkhidmatan > Institusi/ Organisasi/ Tabung > Perkhidmatan Atas Talian > Permohonan Baharu > Wakil Cukai/ Ejen Cukai

Jenis	Kaedah Permohonan/ Pengemukaan	
	penggunaan sistem e-Derma boleh dirujuk melalui Portal HASiL (Perkhidmatan > IOT Bukan Berasas Keuntungan > Info Permohonan > Permohonan).	
Permohonan Baharu (Tabung) dan Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT	• Permohonan Baharu (Tabung) Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: a. Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my b. Klik menu Perkhidmatan > Institusi/ Organisasi/ Tabung > Perkhidmatan Atas Talian > Permohonan Baharu > Tabung	• Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: a. Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my b. Klik menu Perkhidmatan > Institusi/ Organisasi/ Tabung > Perkhidmatan Atas Talian > Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT
Permohonan Kelulusan (Pindaan/ Lain-Lain) dan Pengemukaan Dokumen Tahunan/ Lain-Lain	• Permohonan Kelulusan (Pindaan/ Lain-Lain) Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: a. Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my b. Klik Perkhidmatan > Institusi/ Organisasi/ Tabung > Perkhidmatan Atas Talian > Pindaan Maklumat IOT	• Pengemukaan Dokumen Tahunan/ Lain-Lain Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: a. Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my b. Klik Perkhidmatan > Institusi/ Organisasi/ Tabung > Perkhidmatan Atas Talian > Pengemukaan Dokumen Lain-Lain IOT

6. KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

- 6.1 Hanya permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan dan dikemukakan dengan lengkap akan diproses dan dipertimbangkan untuk kelulusan KPHDN.
- 6.2 Setiap Badan atau Tabung Wakaf yang diberikan kelulusan KPHDN akan menerima satu surat kelulusan yang mengandungi maklumat seperti berikut:
 - a. nombor kelulusan KPHDN;
 - b. tempoh kelulusan;
 - c. syarat kelulusan, kewajipan dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN; dan
 - d. kesan pelanggaran syarat dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN.

B. KEWAJIPAN BADAN ATAU TABUNG WAKAF DALAM TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

7. PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

7.1 Memohon Kelulusan Format Resit Rasmi Potongan Wakaf

- 7.1.1 Badan atau Tabung Wakaf hendaklah mengeluarkan Resit Rasmi Potongan Wakaf (RRPW) kepada pewakaf bagi tujuan tuntutan potongan cukai semasa pengiraan jumlah pendapatan. Selepas permohonan diluluskan oleh KPHDN, setiap Badan atau Tabung Wakaf perlu mengemukakan draf format RRPW untuk kelulusan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a. menggunakan Bahasa Melayu atau dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris);
 - b. nama dan alamat Badan atau Tabung Wakaf;
 - c. nombor siri RRPW yang bercetak (*preprinted*) dan unik;
 - d. tarikh RRPW;
 - e. nama pewakaf berserta dengan nombor kad pengenalan/ nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan;

- f. alamat surat-menyurat pewakaf;
- g. amaun yang didermakan;
- h. jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden, Bendahari atau Akauntan; dan
- i. catatan berikut:

**"Potongan Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai
Pendapatan 1967:
Nombor Rujukan: LHDN.AG.600-20/4/11.XXXX
Tarikh Kuat kuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt"**

7.2 Pengeluaran Resit Rasmi Potongan Wakaf

RRPW **hanya layak diberi** kepada **pewakaf** yang memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya seperti butiran berikut:

7.2.1 Bagi pewakaf individu:

- a. nama pewakaf;
- b. nombor kad pengenalan/ nombor pasport; dan
- c. alamat lengkap.

7.2.2 Bagi pewakaf selain daripada individu

- a. nama pewakaf;
- b. nombor pendaftaran; dan
- c. alamat lengkap.

7.3 Pelaksanaan e-Invois

Pelaksanaan e-Invois adalah terpakai kepada Badan atau Tabung Wakaf yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP bagi transaksi penerimaan wakaf tunai.

- a. e-Invois dilaksanakan secara berperingkat oleh Badan atau Tabung Wakaf mengikut garis masa pelaksanaan mandatori yang ditetapkan dalam perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois.
- b. Walau bagaimanapun, Badan atau Tabung Wakaf boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan.

c. Kaedah pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut:

Kaedah
(i) Jika penderma meminta e-Invois • Badan atau Tabung Wakaf dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang. • Pengeluaran resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(11D) ACP bagi transaksi penerimaan wakaf tunai tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada penderma. • Badan atau Tabung Wakaf tidak perlu mendapatkan kelulusan RRPW dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu jika e-Invois dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. (ii) Jika penderma tidak meminta e-Invois • Badan atau Tabung Wakaf dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(11D) ACP mengikut garis panduan yang dikeluarkan dan/ atau ketetapan mengikut kelulusan yang diberikan oleh KPHDN; dan • Badan atau Tabung Wakaf menjumlahkan semua transaksi penerimaan wakaf tunai secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (<i>consolidated e-Invoice</i>) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Nota:

- Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, Badan atau Tabung Wakaf perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan wakaf tunai tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- Bagi tujuan pengeluaran e-Invois (termasuk e-invois yang disatukan), butiran yang dinyatakan dalam perenggan 7.1.1 (g) hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan”. Maklumat tersebut hendaklah sama dengan butiran kelulusan yang terkandung dalam resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(11D) ACP.
- Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib

mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

7.4 Penyertaan Wakaf Tunai

Semua penyertaan wakaf tunai oleh pewakaf hendaklah dengan menggunakan borang penyertaan/ borang kebenaran potongan gaji bulanan, yang mana berkenaan. Bagi penyertaan melalui potongan gaji, Badan atau Tabung Wakaf hendaklah memastikan potongan wakaf dinyatakan dalam penyata gaji bulanan dan penyata pendapatan tahunan pewakaf selain mengeluarkan RRPW kepada pewakaf berkenaan.

7.5 Belanja Berkaitan Objektif Badan Atau Tabung Wakaf

7.5.1 Setiap Badan atau Tabung Wakaf perlu membelanjakan sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan Badan atau Tabung Wakaf yang diperolehi dalam tahun terdahulu selewat-lewatnya pada tahun ketiga bagi tujuan melaksanakan objektif penubuhan Badan atau Tabung Wakaf. Belanja ini dipanggil sebagai belanja objektif.

7.5.2 Perbelanjaan yang dilakukan bagi tujuan pelaburan atau pembelian aset untuk kegunaan Badan atau Tabung Wakaf tidak boleh diambil kira sebagai belanja objektif.

7.6 Pemilikan Syarikat Subsidiari/ Anak Syarikat Badan Atau Tabung Wakaf

7.6.1 Badan atau Tabung Wakaf boleh menubuhkan anak syarikat atau pun subsidiari dengan syarat memberikan makluman kepada KPHDN dalam tahun kewangan yang sama dengan mengemukakan maklumat seperti:

- a. profil anak syarikat;
- b. minit mesyuarat mewujudkan syarikat;
- c. surat ikatan amanah/perjanjian/memorandum persefahaman;
- d. punca kuasa penubuhan; dan
- e. draf objektif syarikat dan carta organisasi syarikat yang hendak ditubuhkan.

7.6.2 Bagi Badan atau Tabung Wakaf yang telah mempunyai anak syarikat/ syarikat subsidiari sebelum kelulusan diberikan, maklumat di atas perlu dikemukakan bagi tujuan semakan dan rekod KPHDN.

7.7 Pemakluman Kepada KPHDN Secara Bertulis

Pemakluman secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN dalam tahun kewangan yang sama bagi perkara berikut:

- 7.7.1 sebelum pemilikan aset atau harta meliputi tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan lain-lain yang bukan berkaitan harta wakaf. Pemakluman hendaklah dikemukakan berdasarkan nilai kos aset seperti jadual di bawah:

Kategori Aset	Kos
Tanah dan Bangunan	Bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Loji dan Jentera	
Kenderaan	
Pengubahsuaian	Bagi setiap kos pengubahsuaian
Lekapan dan Kelengkapan	RM20,000 dan ke atas bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Peralatan Pejabat	
Perkakasan Komputer	

- 7.7.2 sebelum pelupusan aset atau harta yang bukan berkaitan harta wakaf;
- 7.7.3 sebelum sebarang pertukaran ALPA/ALP/AJK pengurusan Badan atau Tabung Wakaf;
- 7.7.4 sebelum pindaan kepada perlembagaan, undang-undang kecil atau surat ikatan amanah Badan atau Tabung Wakaf;
- 7.7.5 sebelum pertukaran alamat Badan atau Tabung Wakaf;
- 7.7.6 sebelum sebarang penubuhan anak syarikat/ syarikat subsidiari.

7.8 Permohonan Kelulusan KPHDN Secara Bertulis

Permohonan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN dalam tahun kewangan yang sama bagi perkara berikut:

- 7.8.1 pelaksanaan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif yang diluluskan oleh KPHDN; atau
- 7.8.2 pembubaran Badan atau Tabung Wakaf atau penyerahan balik kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.

7.9 Kewangan Badan Atau Tabung Wakaf

- 7.9.1 Badan atau Tabung Wakaf perlu memastikan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dipatuhi serta diikuti sewajarnya. Hal ini juga termasuk laporan penyata kewangan, aset, hasil, belanja, liabiliti dan lain-lain peraturan ditetapkan.
- 7.9.2 MAIN sebagai entiti pengawal perlu memastikan Badan atau Tabung Wakaf mematuhi piawaian kewangan bagi tujuan kelulusan KPHDN.
- 7.9.3 **Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit bagi Badan atau Tabung Wakaf**
- a. Badan atau Tabung Wakaf hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan tahunan yang telah diaudit kepada KPHDN.
 - b. Badan atau Tabung Wakaf yang dilaporkan bersekali dengan Penyata Kewangan MAIN/ Badan/ Universiti Awam hendaklah mempunyai satu "*Notes to Account* bagi Kumpulan Wang Wakaf". Tujuan penyediaan "*Notes to Account* bagi Kumpulan Wang Wakaf" secara berasingan oleh Badan atau Tabung Wakaf kerana kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP hanya diberikan kepada Kumpulan Wang Wakaf sahaja, kecuali bagi Badan atau Tabung Wakaf yang ditubuhkan semata-mata untuk tujuan menerima, mengurus dan mengagih wakaf.
 - c. Penyata Kewangan Beraudit bagi Badan atau Tabung Wakaf yang diluluskan perlu melaporkan penilaian yang betul dan tepat ke atas Kumpulan Wang Wakaf yang diurus tadbir Badan atau Tabung Wakaf. Nota kepada amaun penerimaan Kumpulan Wang Wakaf perlu dibuat secara terperinci mengikut cara mana ia diuruskan dan dibukukan dalam akaun.
 - d. Penyata Kewangan Beraudit hendaklah menunjukkan semua aset atau pelaburan yang menggunakan Kumpulan Wang Wakaf dan pendapatan dari aset atau pelaburan tersebut secara lengkap serta berasingan daripada nilai pokoknya.

- e. Pelaporan Kumpulan Wang Wakaf haruslah mengambil kira semua penerimaan wakaf tunai termasuk yang diterima oleh Mutawalli/ Nazir Khas. Penerimaan daripada sumber am hendaklah diasingkan dan tidak dikira sekali dalam Kumpulan Wang Wakaf.
- f. Selain penerimaan wakaf tunai, pendapatan Badan atau Tabung Wakaf bagi tujuan pemakaian subseksyen 44(11D) boleh terdiri daripada penerimaan pulangan kewangan hasil daripada pelaburan dan pengurusan Kumpulan Wang Wakaf seperti:
 - i. pelaburan dalam instrumen kewangan Islam;
 - ii. pengurusan wakaf menerusi perbankan Islam;
 - iii. pembiayaan projek aset/ hartanah wakaf;
 - iv. kerjasama dengan institusi kewangan Islam;
 - v. usaha perniagaan dan perdagangan yang patuh syariah;
 - vi. program dan aktiviti kebajikan/ amal komuniti
 - vii. derma/ sumbangan waris/ pewasiat; dan
 - viii. lain-lain inisiatif yang boleh menghasilkan keuntungan yang patuh syariah.

7.9.4 Pengemukaan Lain-lain Laporan oleh Badan atau Tabung Wakaf

- a. Penyata aktiviti dan agihan kumpulan wang wakaf;
- b. Laporan istibdal (pertukaran) wakaf tunai kepada harta tak alih;
- c. Penyata pelaburan kumpulan wang wakaf (mengikut jenis);
- d. Penyata perubahan kumpulan wang wakaf;
- e. Senarai pewakaf yang melebihi RM20,000;
- f. Senarai penerima bantuan wakaf yang lengkap dengan butiran berikut:
 - i. nama dan nombor kad pengenalan individu penerima manfaat serta amaun dan jenis bantuan diterima; dan
 - ii. nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi yang menerima bantuan serta amaun dan jenis bantuan diterima.

7.9.5 Penyata Kewangan Beraudit tahunan, BNCP dan lain-lain laporan hendaklah dikemukakan seperti berikut:

Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Aktiviti Perniagaan	Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit, dan BNCP	Kaedah Pengemukaan	
				Penyata Kewangan Beraudit	BNCP
F	Pertubuhan	Tiada	30 April setiap tahun	Dikemukakan ke: Sektor Dasar Percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Menara Hasil, Aras 17, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.	e-filing
		Ada	30 Jun setiap tahun		
C	Syarikat - SBMJ	Ada atau Tiada	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.		
TA	Badan Amanah				

7.10 Penyimpanan Rekod Badan Atau Tabung Wakaf

Semua rekod dan dokumen Badan atau Tabung Wakaf hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

7.11 Pembubaran Badan Atau Tabung Wakaf

Sekiranya **Badan atau Tabung Wakaf** dibubarkan:

- 7.11.1 Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah dikembalikan kepada MAIN.
- 7.11.2 Pembubaran ini hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya **dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.**
- 7.11.3 Akaun bank Badan atau Tabung Wakaf tersebut hendaklah ditutup dengan segera. Satu (1) salinan surat penutupan akaun bank dan surat pengesahan daripada MAIN perlu dikemukakan kepada Sektor Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti. Baki kumpulan wang wakaf tunai hendaklah diberikan kepada MAIN.

7.12 Pengembangan Kumpulan Wang Wakaf

- 7.12.1 Kumpulan Wang Wakaf hendaklah dikembangkan agar dapat menerbitkan pulangan kewangan supaya pewakaf akan terus kekal menerima manfaatnya. Manfaat kewangan ini boleh digunakan bagi mencapai objektif penubuhan Badan atau

Tabung Wakaf untuk kemaslahatan ummah.

- 7.12.2 Bagi tujuan tersebut, Badan atau Tabung Wakaf hendaklah mengemukakan laporan kewangannya secara berkala kepada MAIN.

8. LARANGAN KE ATAS BADAN ATAU TABUNG WAKAF

Badan atau Tabung Wakaf adalah **dilarang** melakukan perkara berikut:

- 8.1 Mengguna pakai logo rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam RRPW, mana-mana dokumen atau majlis Badan atau Tabung Wakaf;
- 8.2 Melibatkan diri dalam sebarang kegiatan/ kempen politik, pembiayaan keganasan, pengubahan wang haram, pemerdagangan manusia atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/ harta digunakan untuk tujuan tersebut; atau
- 8.3 Membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif Badan atau Tabung Wakaf.

9. KESAN PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- 9.1 Sekiranya Badan atau Tabung Wakaf melanggar mana-mana **syarat-syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau peruntukan dalam ACP, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 9.2 Dalam perenggan 9.1, perkataan '**syarat-syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan tanggungjawab dan larangan Badan atau Tabung Wakaf yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 9.3 Setiap Badan atau Tabung Wakaf yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(c) Jadual 6, ACP.
- 9.4 Walau bagaimanapun, cukai pendapatan boleh dikenakan kepada mana-mana Badan atau Tabung Wakaf yang **melanggar syarat dan larangan kelulusan** dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuat kuasa. Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat tersebut.

- 9.5 Berdasarkan perenggan 9.4, perkataan '**syarat dan larangan kelulusan**' adalah syarat dan larangan kelulusan di **Bahagian B** garis panduan ini serta syarat-syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 9.6 Walau apapun dinyatakan dalam perenggan 9.4, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- 9.7 Dalam situasi Badan atau Tabung Wakaf tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah seksyen 148 ACP untuk memendekkan/ menarik balik status kelulusan Badan atau Tabung Wakaf di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 9.8 Ringkasan pelanggaran syarat dan larangan kelulusan oleh Badan atau Tabung Wakaf adalah seperti berikut:
- 9.8.1 gagal atau lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit untuk tempoh yang diperlukan;
 - 9.8.2 gagal atau lewat mengemukakan BNCP;
 - 9.8.3 gagal atau lewat mengemukakan senarai lengkap penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000 dan ke atas;
 - 9.8.4 gagal atau lewat mengemukakan senarai penerima bantuan;
 - 9.8.5 gagal atau lewat mengemukakan senarai aktiviti;
 - 9.8.6 gagal mematuhi syarat peratusan perbelanjaan untuk objektif;
 - 9.8.7 gagal mematuhi syarat peratusan penggunaan dana terkumpul untuk perniagaan di bawah subseksyen 44(7A)(a) ACP 1967;
 - 9.8.8 menyalah guna resit derma atau membenarkan pihak lain menggunakan resit derma cukai pihak Badan atau Tabung Wakaf yang diluluskan;
 - 9.8.9 menggunakan resit yang tidak mengikut format yang ditetapkan oleh KPHDN;
 - 9.8.10 mengeluarkan resit kepada penderma yang tidak memberikan maklumat yang lengkap;
 - 9.8.11 memiliki lebih 49% pegangan saham dalam anak syarikat atau/

dan menerima derma daripadanya;

- 9.8.12 gagal melaksanakan sebarang aktiviti seperti dalam objektif;
- 9.8.13 melaksanakan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif;
- 9.8.14 gagal mengemukakan permohonan bertulis kepada KPHDN berkenaan pindaan perlembagaan, perubahan ALPA/ ALP/ AJK atau pertambahan/ pengurangan aset;
- 9.8.15 gagal memaklumkan pertukaran alamat;
- 9.8.16 melaksanakan aktiviti di luar negara tanpa kelulusan Menteri Kewangan;
- 9.8.17 memberi mafaat dan faedah kepada ALPA/ ALP/ AJK;
- 9.8.18 menyalahgunakan dana untuk aktiviti haram, membiayai sebarang aktiviti keganasan atau kepentingan tertentu pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan Badan atau Tabung Wakaf;
- 9.8.19 terlibat dalam pengubahan wang haram; dan
- 9.8.20 pelanggaran mana-mana syarat dan larangan kelulusan lain yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

C. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN KPHDN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

10. HAD TEMPOH KELULUSAN

Had tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP yang diberikan oleh KPHDN kepada Badan atau Tabung Wakaf adalah **sehingga lima (5) tahun**.

11. PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN

- 11.1 Bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh kelulusan, Badan atau Tabung Wakaf perlu membuat permohonan rasmi secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan sedia ada.
- 11.2 Permohonan lanjutan tempoh kelulusan akan dipertimbangkan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan kepada syarat-syarat

kelulusan terdahulu dan syarat kelulusan KPHDN semasa yang berkuat kuasa menerusi peruntukan subseksyen 44(11D) dan garis panduan.

D. LAYANAN PERCUKAIAN

12. LAYANAN PERCUKAIAN KE ATAS BADAN ATAU TABUNG WAKAF

- 12.1 Pendapatan Badan atau Tabung Wakaf yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP berkenaan dengan apa juga wakaf yang diterimanya termasuk pendapatan yang terbit daripada aktiviti pengembangannya adalah dikecualikan daripada cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(c) Jadual 6 ACP.
- 12.2 Layanan ini terpakai selagi Badan atau Tabung Wakaf masih mempunyai kelulusan di bawah subseksyen tersebut. Pengecualian ini tidak memberikan pelepasan kepada pihak Badan atau Tabung Wakaf daripada mengemukakan BNCP, menjalankan apa juga tanggungjawabnya seperti termaktub di dalam garis panduan ini dan apa-apa peruntukan di bawah ACP.

13. LAYANAN PERCUKAIAN KEPADA PEWAKAF

- 13.1 Pemberi sumbangan **wakaf tunai** kepada Badan atau Tabung Wakaf yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) dan disokong oleh RRPW layak mendapat tolakan daripada pendapatan agregat atas sumbangan tersebut.
- 13.2 Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(11D) ACP dan amaun yang telah dipotong di bawah subseksyen 44(6), (11B) dan (11C) ACP tidak boleh melebihi 10% daripada pendapatan agregat orang itu.
- 13.3 Pewakaf tidak boleh menuntut pelepasan cukai mulai dari tarikh surat pemakluman penarikan kelulusan subseksyen 44(11D) ACP sekiranya kelulusan yang diberikan kepada Badan atau Tabung Wakaf di bawah subseksyen 44(11D) ACP ditarik balik.

14. PUNCA KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT- SYARAT KELULUSAN

- 14.1 Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab Badan atau Tabung Wakaf yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehendak atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP.

- 14.2 Pemakaian subseksyen 44(11D) ACP perlu dibaca bersekali dengan subseksyen 44(11E) ACP bagi tujuan pertimbangan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 07 JULAI 2026

s.k: LHDN.AG.600-20/4/11.